UNIVERSITI MALAYA

## PENGURANGAN YURAN PERKHIDMATAN UNIVERSITI

Bermula Semester 2 Sesi 2019/2020, Universiti Malaya telah melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian sepenuhnya di mana pelajar dapat meneruskan pengajian tanpa perlu berada di kampus.

Prihatin terhadap kebajikan para pelajar, Universiti melalui inisiatif Bantuan UM Prihatin telah memutuskan supaya **pengurangan Yuran Perkhidmatan Universiti sebanyak RM120.00 per semester diberikan kepada pelajar warganegara dan bukan warganegara bagi tiga (3) semester iaitu Semester 2 Sesi 2019/2020 serta Semester 1 & 2 Sesi 2020/2021**. Yuran perkhidmatan tersebut merangkumi Sukan dan Rekreasi, Perpustakaan, ICT dan Kesihatan/Kebajikan.

Jumlah keseluruhan pengurangan yuran ini adalah sebanyak RM2.7 juta bagi setiap semester yang melibatkan seramai lebih daripada 22,000 pelajar.

Ia merupakan salah satu daripada 11 inisiatif Bantuan UM Prihatin yang mula disediakan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020 di seluruh negara.

Universiti akan senantiasa mengutamakan kebajikan para pelajar dalam mendepani cabaran normal baharu mutakhir ini.  Sama-sama kita berdoa agar penularan COVID-19 ini akan segera berakhir supaya kita dapat kembali menjalankan kehidupan kampus seperti sediakala.

Sekiranya terdapat pelajar yang ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang pengurangan yuran ini, boleh hubungi Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar & Kolej, Jabatan Bendahari di talian +603-7967 3289 atau melalui e-mel kepada bursar_student@um.edu.my.

Terima kasih.

**Pejabat Komunikasi Korporat**
**Universiti Malaya**

Dikeluarkan pada 16 Oktober 2020.

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Komunikasi Korporat
Aras L, Bangunan Canseleri
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Tel: +603-7967 3238 | Faks: +603-7956 0027 | E-mel: corporate@um.edu.my

UNIVERSITI MALAYA

**REDUCTION OF UNIVERSITY SERVICES FEE**

Teaching and Learning (T&L) activities at Universiti Malaya have been conducted fully online since Semester 2, Session 2019/2020, where students are able to continue their studies without having to be physically present on campus.

In the interest of our students' welfare, the University, through the Bantuan UM Prihatin initiative has decided that **a reduction of the University Services Fee of RM120.00 per semester will be given to local and international students for three (3) semesters, i.e. Semester 2, Session 2019/2020 and Semesters 1 & 2, Session 2020/2021**. The services fee includes Sports and Recreation, Library, ICT and Health/Welfare.

The overall fee reduction amounts to approximately RM2.7 million for each semester, involving more than 22,000 students.

This is one of 11 initiatives under the Bantuan UM Prihatin initiative which has been in place since the implementation of the nationwide Movement Control Order (MCO) on 18 March 2020.

The University continuously prioritises the welfare of our students as we navigate the new normal in the face of these challenging times. Let us hope that the COVID-19 pandemic will come to an end soon so that our campus life may resume its normal course.

For further information on the fee reduction, kindly contact the Student & College Financial Management Division, Bursary Department at +603-7967 3289 or via email to bursar_student@um.edu.my.

Thank you.

**Corporate Communications Office**
**Universiti Malaya**

Issued on 16 October 2020.

Issued by:
Corporate Communications Office
Level L, Chancellery
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Tel: +603-7967 3238 | Fax: +603-7956 0027 | Email: corporate@um.edu.my